

17 MAY 1996

RAKYAT NEW ZEALAND KINI BOLEH MEMOHON BEKERJA SAMBIL BERECUTI DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Rakyat New Zealand yang berminat bekerja sambil bercuti di Malaysia sehingga tempoh enam bulan kini boleh membuat permohonan di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Wellington.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen Muhammad Sabri Zainal memberitahu Bernama bahawa "Program Bekerja Sambil Bercuti" itu terbuka untuk warganegara New Zealand berusia antara 18 dan 30 tahun.

Bagaimanapun, tujuan mereka haruslah untuk bercuti di Malaysia, katanya.

Muhammad Sabri berkata pemegang pasport New Zealand harus memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu mempunyai baki RM3,600 dalam bentuk wang tunai, cek kembara atau deraf bank untuk menampung keperluan dirinya, tidak diiringi anak, disahkan sihat dan tidak mempunyai rekod jenayah.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, 10 Washington Avenue, Brooklyn, Wellington, New Zealand atau P.O. Box 9422.

Permohonan perlu dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi itu dalam masa tiga bulan sebelum berlepas ke Malaysia.

Program itu terhad kepada 100 pemohon setahun. Ia dipersetujui semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Auckland pada Mac lepas. -- BERNAMA

RAZ NAK